UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA / PERBENDAHARAAN MALAYSIA / CIDB** di dalam kod bidang yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran berikut:-

RUJUKAN	BUTIRAN TAWARAN	PENDAFTARAN	HARGA
UMK(B)/T/ 03/2026 – 3PI	**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN BANGUNAN DI ZON 2 SELAMA TIGA PULUH ENAM (36) BULAN UNTUK UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) BACHOK** Tarikh Lawatan Tapak **(WAJIB)** : **24 FEBRUARI 2026 (SELASA)** Masa Pendaftaran: **09:30 PAGI-10:30 PAGI SAHAJA** Masa Taklimat: **10:30 PAGI** Tempat Pendaftaran & Taklimat : **AUDITORIUM PEJABAT PERPUSTAKAAN DAN PENGURUSAN ILMU, UMK BACHOK** Tarikh Tutup Tawaran: **30 MAC 2026 (ISNIN)** **12.00 TENGAH HARI**	**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** **KOD BIDANG :** **221001 – PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN PEJABAT** **&** **221003 – MENGANGKAT SAMPAH**	**RM100.00**

2. Petender yang mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya hanya boleh mendapatkan dokumen Tender melalui Sistem e-Perolehan UMK mulai **01 MAC 2026 (AHAD).**

3. Hanya petender yang mendaftar **SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)** dengan pihak UMK sahaja yang layak menyertai tender ini. Pendaftaran sebagai pembekal dengan pihak UMK boleh dilakukan secara atas talian (online) di laman web e-Perolehan UMK melalui capaian:

https://www.tenderwizard.my/UMK

4. Harga dokumen Tender adalah **RM100.00**. Dokumen tender boleh diperolehi setelah petender berdaftar secara atas talian dengan pihak UMK dan pembayaran pendaftaran dan dokumen telah dibuat.

5. Petender hendaklah membawa sijil asal dan salinan pendaftaran syarikat dan kad pengenalan semasa menghadiri lawatan tapak. Hanya **PENAMA DI DALAM SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** sahaja yang **DIBENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK**.

6. Hanya petender yang menghadiri **LAWATAN TAPAK** sahaja yang dibenarkan menyertai tawaran tender ini.

7. Dokumen Tawaran Tender serta lain-lain dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara dalam talian (online) melalui Sistem e-Perolehan UMK pada atau sebelum **30 MAC 2026 (ISNIN)**, jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

8. Pembekal yang berjaya menerima tawaran penyediaan bekalan/ perkhidmatan/ kerja melalui sistem e-Perolehan UMK akan dikenakan Fi Perkhidmatan sebanyak **0.8% (tidak termasuk SST 8%) daripada nilai kontrak/ tawaran tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 bagi nilai kontrak RM1.2 juta atau lebih**.

9. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web kami **http://iklan.umk.edu.my** dan laman web e-perolehan UMK.

10. Pihak Universiti tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran dan keputusan Universiti adalah muktamad.